

Artikel

Air, Sakral dan Naga Tasik Chini: Mitos, Politik Pascakolonial, dan Krisis Ekologi di Malaysia
(*Water, the Sacred and the Naga of Tasik Chini: Myth, Postcolonial Politics, and Ecological Crisis in Malaysia*)

Al-Amril Othman¹, Mohd Firdaus Abdullah¹, Nurhidayu Rosli¹, Shaiful Sahidan¹ & Yusry Sulaiman²

¹Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

²Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun & Falsafah, Universiti Utara Malaysia,
06010 Sintok, Kedah, Malaysia

*Pengarang Koresponden: amril@ukm.edu.my

Diserah: 02 Ogos 2025
Diterima: 09 November 2025

Abstrak: Naga Tasik Chini bukan sekadar kisah lagenda yang diwariskan turun-temurun, tetapi merupakan wacana budaya yang sarat dengan makna politik, ekologi, dan identiti kolektif masyarakat Malaysia. Artikel ini meneliti bagaimana lagenda tersebut telah direka ulang dan ditafsir semula dalam konteks Malaysia pascakolonial melalui proses pengkomodifikasian yang digerakkan oleh pelancongan, geopark, dan naratif pembangunan negara. Dengan menggabungkan pendekatan teori ekologi politik, pascakolonialisme, dan water humanities, perbincangan ini memperlihatkan bagaimana air Tasik Chini diposisikan sebagai “ruang sakral” yang kemudiannya berubah menjadi medan perebutan makna antara komuniti Orang Asli, agensi kerajaan, dan pasaran global. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan analisis dokumen yang diperoleh daripada perpustakaan, arkib, dan sumber atas talian. Ia menegaskan bahawa lagenda Naga Tasik Chini harus dibaca semula bukan hanya sebagai cerita rakyat, tetapi sebagai tapak kritik terhadap hegemoni pembangunan, marginalisasi komuniti tempatan, serta krisis ekologi kontemporari yang semakin parah. Kebaharuan artikel ini terletak pada usahanya menyingkap semula mitos air dalam konteks Malaysia pascakolonial dengan mendedahkan paradoks antara simbolisme warisan, eksploitasi sumber, dan realiti ekologi semasa, sekali gus memperluas horizon wacana tentang hubungan antara air, mitos, dan kuasa di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Kata kunci: Air; sakral; Naga Tasik Chini; pascakolonial; ekologi; Malaysia

Abstract: The legend of the Naga of Tasik Chini is more than a tale passed down through generations; it constitutes a cultural discourse deeply embedded with political, ecological, and identity-based meanings. This article examines how the legend has been reimagined within the postcolonial Malaysian context through processes of commodification driven by tourism, geopark development, and state-led narratives of modernisation. Drawing upon the theoretical frameworks of political ecology, postcolonialism, and water humanities, the discussion reveals how the waters of Tasik Chini have been transformed from a “sacred space” into a contested site of meaning among the Orang Asli community, the state, and the global market. Employing a qualitative methodology, the research undertakes documentary analysis based on materials gathered from libraries, archives, and online sources. It argues that the legend of the Naga of Tasik Chini should be reread not merely as folklore, but as a critical locus for interrogating the hegemony of development, the marginalisation of indigenous communities, and the unfolding ecological crisis. The originality of this study

lies in its reinterpretation of a water myth within Malaysia's postcolonial setting, uncovering the paradox between heritage symbolism, resource exploitation, and environmental realities—thus expanding the intellectual horizon of political heritage studies on the interrelationship between water, myth, and power in Malaysia and the wider Southeast Asian region.

Keywords: Water; sacredness; Naga of Tasik Chini; postcolonial politics; ecology; Malaysia

Pengenalan

Tasik Chini merupakan salah satu landskap air paling signifikan di Malaysia yang sarat dengan makna ekologi, budaya, dan spiritual. Terletak di Daerah Pekan, Negeri Pahang, tasik air tawar kedua terbesar di Malaysia ini meliputi kawasan sekitar 202 hektar, dikelilingi oleh hutan tropika seluas 4,975 hektar, serta membentuk rangkaian 12 tasik kecil yang dikenali oleh masyarakat setempat sebagai “laut.” Nama-nama tasik tersebut seperti Laut Gumum, Laut Jerangking, Laut Melai dan Laut Jemberau bukan sahaja berfungsi sebagai penanda geografi, tetapi turut menjadi representasi kosmologi tempatan, di mana ruang ekologi diikat dengan identiti dan sejarah masyarakat setempat (Habibah et al., 2010; Bakar et al., 2017). Pada 7 Disember 1989, Tasik Chini diwartakan di bawah Seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara sebagai kawasan perlindungan hidupan liar dan ekopelancongan, manakala pada Julai 2009, tasik ini diiktiraf UNESCO sebagai Rizab Biosfera, dengan aspirasi untuk mencapai keseimbangan antara pembangunan manusia dan kelestarian alam sekitar (Mohamad & Mohd Ekhwan, 2006; Omar, et al., 2011). Namun, pengiktirafan ini segera berhadapan dengan paradoks: tasik yang digelar sebagai “rizab biosfera” berkongsi sempadan dengan ladang Felda, projek pembangunan, dan eksploitasi sumber yang telah menimbulkan degradasi ekologi (Amran & Jamin, 2021). Di sebalik status antarabangsa dan kepentingan ekologi, Tasik Chini membawa warisan kosmologi yang mendalam melalui lagenda Naga Tasik Chini. Bagi komuniti Orang Asli Jakun, naga bukan sekadar makhluk mitos, tetapi penjaga sakral air yang memastikan keseimbangan ekologi. Dalam naratif lisan, naga menuntut penghormatan, bukan sekadar kerana sifat ghaibnya, tetapi kerana ia menandakan bahawa tasik ini merupakan ruang sakral yang tidak boleh dieksploitasi sewenang-wenangnya. Lagenda naga, justeru, membentuk wacana air yang menghubungkan manusia, alam, dan spiritualiti. Air dalam konteks ini tidak hanya bersifat utiliti, tetapi hadir sebagai entiti hidup yang menstrukturkan hubungan sosial, ritual, dan politik ekologi masyarakat setempat (Yusuf et al., 2022).

Namun, dalam konteks Malaysia pascakolonial, makna sakral ini telah melalui proses transformasi yang signifikan. Lagenda naga yang dahulu berfungsi sebagai naratif kosmologi telah diolah semula oleh negara, agensi pelancongan, dan pasaran sebagai imej komersial untuk mempromosikan Tasik Chini sebagai destinasi eksotik (Abas et al, 2008). Naga kini tampil sebagai ekopelancongan, diposisikan untuk mengukuhkan naratif warisan kebangsaan serta menarik pelaburan pelancongan. Transformasi ini memperlihatkan bagaimana mitos air boleh disusun semula dalam kerangka kapitalisme pascakolonial, di mana naratif kosmologi dikurangkan kepada retorik promosi, sementara makna spiritual dan politiknya dipinggirkan. Proses pengkomodifikasian ini menimbulkan paradoks yang sukar dielakkan. Di satu sisi, naga dijulung sebagai ikon warisan untuk memperlihatkan kelestarian budaya dan ekologi Tasik Chini. Namun, di sisi lain, tasik tersebut berdepan kemerosotan nyata akibat perlombongan, penebangan hutan, dan pencemaran (Man et al, 2019). Pengiktirafan UNESCO sebagai Rizab Biosfera yang sepatutnya menandakan keserasian antara manusia dan alam kini dilihat sebagai slogan yang bercanggah dengan realiti ekologi di lapangan (Mohamad & Toriman, 2006; Omar et al, 2011).

Paradoks ini menyerlahkan ketegangan antara warisan simbolik dan realiti material, antara retorik pembangunan lestari dan krisis kelangsungan ekologi. Kritikan terhadap paradoks ini menjadi lebih signifikan apabila ditinjau dalam kerangka pascakolonial. Bagi para penulis, Malaysia seperti banyak negara lain di Asia Tenggara, berada dalam dilema untuk memaparkan dirinya sebagai pelindung warisan ekologi dan budaya di mata dunia, sambil terikat dengan logik pembangunan yang bersifat eksploitatif (Nain & Yusoff, 2003). Dalam hal ini, lagenda naga Tasik Chini menjadi contoh konkrit bagaimana naratif warisan tempatan diolah mengikut keperluan pasaran global. Mitos air yang pada asalnya berfungsi sebagai kosmologi perlindungan kini

berperanan sebagai “naratif yang boleh dijual,” manakala komuniti Jakun yang memiliki warisan tersebut semakin terpinggir daripada proses penentuan makna (Mohamad & Mohd Ekhwani, 2006).

Untuk memahami paradoks ini secara lebih mendalam, artikel ini menggunakan gabungan kerangka teori ekologi politik, pascakolonialisme, dan *water humanities*. Ekologi politik membantu menyingkap hubungan kuasa di sebalik degradasi ekologi Tasik Chini dan perebutan makna warisan (Mathur & Mulwafu, 2018; Popartan & Ungureanu, 2022). Pascakolonialisme pula memberi ruang untuk mengkritik bagaimana negara pascakolonial mereka semula mitos terutamanya berkaitan air bagi menyokong agenda pembangunan nasional (Andaya, 2018; Abdullah, 2025). Sementara itu, *water humanities* menawarkan *horizon* kritikal yang baharu dengan menekankan air sebagai entiti budaya, spiritual, dan politik serta bukan sekadar sumber utiliti (Ferwerda, 2024). Dalam kerangka ini, Tasik Chini tidak hanya difahami sebagai tasik air tawar atau rizab biosfera, tetapi sebagai “ruang air” yang mengandungi kosmologi, spiritualiti, dan perebutan makna dalam landskap pascakolonial Malaysia. Artikel ini berhujah bahawa *novelty* utama kajian terletak pada usahanya untuk menafsir semula legenda Naga Tasik Chini sebagai tapak kritik terhadap hegemoni pembangunan, marginalisasi komuniti tempatan, dan krisis ekologi. Artikel ini dilihat memperluas perbincangan tentang bagaimana mitos air berfungsi bukan hanya sebagai warisan budaya, tetapi juga sebagai ruang perlawanan simbolik terhadap logik kapitalisme pascakolonial.

Sorotan Literatur

Walaupun kajian terhadap Tasik Chini dan legenda naganya masih terbatas, penyelidikan terdahulu yang meneliti mitologi air, politik warisan, dan ekologi politik di Asia Tenggara menawarkan asas perbandingan yang kritikal dan mendalam dalam memahami hubungan antara mitos, kuasa, dan ekologi. Mitologi air di rantau ini telah lama menjadi sebahagian daripada kosmologi masyarakat tempatan. Skeat (2020) mencatat bahawa kepercayaan Melayu tradisional menempatkan naga atau ular besar sebagai penjaga kawasan air dan simbol kekuatan ghaib yang berkait dengan hujan, sungai, serta kesuburan. Andaya (2016) pula menegaskan bahawa dalam kosmologi Asia Tenggara, *female naga (or nagi) who reside in and near rivers as protectors of the source of life* sekali gus menunjukkan kesinambungan simbolik antara air, kelangsungan hidup, dan kekuasaan spiritual dalam budaya serantau.

Dalam tradisi Khmer dan Thai, makhluk naga (*naga/nāga*) juga berfungsi sebagai simbol air yang melindungi sungai Mekong, membentuk ritual dan legitimasi politik raja-raja (Chang, 2024). Kajian ini menunjukkan bahawa mitos air di Asia Tenggara bukan sekadar kisah rakyat, tetapi naratif kuasa yang menstrukturkan hubungan manusia, spiritualiti, dan ekologi. Namun, dalam kes Tasik Chini, penelitian akademik masih cenderung menjadikannya sebagai eksotika pelancongan berbanding sebagai wacana kritikal tentang politik air. Dari sudut ekologi politik, terdapat kajian lepas yang meneliti paradoks antara pembangunan dan kelestarian alam di Malaysia. Omar et al. (2011) dan Mohamad & Toriman (2006) menekankan degradasi ekologi Tasik Chini akibat perlombongan bijih dan pembukaan tanah Felda. Walaupun Tasik Chini telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan dan kemudian diiktiraf sebagai Rizab Biosfera UNESCO, kedua-dua kajian lepas ini menunjukkan pengiktirafan antarabangsa yang dinyatakan lebih bersifat retorik daripada realiti praktikal. Kajian-kajian ini membuka ruang untuk menyoal bagaimana status “rizab biosfera” beroperasi sebagai simbol global, tetapi tidak semestinya memberi jaminan terhadap kelangsungan ekologi di peringkat lokal.

Penggunaan legenda naga dalam naratif rasmi negara dan industri pelancongan memperlihatkan aspek komodifikasi warisan. Shepherd (2002) menekankan bahawa komodifikasi warisan di Asia sering melibatkan proses penapisan makna, di mana elemen yang dianggap tidak sesuai untuk pasaran global dipadamkan. Dalam kes Tasik Chini, naga diangkat sebagai imej pelancongan eksotik untuk memperkukuh daya tarikan geopark, tetapi makna kosmologi Jakun yang menjadikan air sebagai entiti sakral dipinggirkan. Hal ini bersesuaian dengan dapatan Salazar (2012) tentang *heritage tourism* yang sering mengubah naratif komuniti menjadi *branding nasional* mengekalkan ketegangan antara ekonomi pasaran dan spiritualiti tempatan. Dalam kerangka *water humanities* seperti yang dinyatakan di pengenalan, kajian terkini menegaskan bahawa air perlu difahami bukan sekadar sebagai entiti fizikal, tetapi juga sebagai fenomena budaya, simbolik, dan politik. Misalnya Linton (2010) menjelaskan konsep *hydrosocial cycle* telah meletakkan air sebagai sesuatu yang

dihasilkan secara bersama melalui jaringan hubungan sosial, ritual, dan struktur kuasa. Strang (2020) pula berpendapat bahawa air membentuk *landscapes of meaning* yang memberi kesan mendalam terhadap pembentukan identiti, kosmologi, dan nilai masyarakat. Pengaplikasian kerangka ini terhadap Tasik Chini membuka ruang baharu untuk menafsir legenda naga bukan sekadar sebagai mitos tempatan, tetapi sebagai naratif air yang mempertautkan ekologi, spiritualiti, dan politik pascakolonial Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian lepas mengenai Tasik Chini masih jarang memposisikan isu ini dalam *horizon water humanities*, sekali gus memperlihatkan potensi pembaharuan analisis yang belum banyak diterokai oleh sarjana lain.

Isu marginalisasi komuniti tempatan, khususnya masyarakat Jakun, turut disentuh dalam kajian lepas berkaitan pembangunan dan ekopelancongan di Malaysia. Nicholas (2000) dan Gomes (2004) menekankan bagaimana komuniti Orang Asli sering dipinggirkan dalam wacana pembangunan negara, walaupun tanah dan kosmologi mereka menjadi asas kepada naratif warisan. Dalam konteks Tasik Chini, masyarakat Jakun di Kampung Gumum yang memiliki hubungan langsung dengan lagenda naga berdepan dilema: kosmologi mereka dipamerkan dalam bentuk eksotik untuk pelancong, tetapi hak mereka terhadap tanah dan air semakin terhakis akibat dasar pembangunan. Hal ini menunjukkan jurang antara representasi dan realiti, di mana komuniti tempatan tidak memiliki kuasa untuk menentukan makna warisan mereka sendiri. Terdapat juga kajian lepas yang menyoroti paradoks UNESCO dalam konteks Asia Tenggara. Walaupun pengiktirafan rizab biosfera sering digambarkan sebagai kejayaan pelestarian, kajian kritikal menegaskan bahawa status ini lebih mencerminkan “global branding” daripada perlindungan sebenar (Ishwaran et al., 2008).

Dalam kes Tasik Chini, pengiktirafan UNESCO pada 2009 telah menjadi alat simbolik negara untuk menonjolkan komitmen terhadap kelestarian, tetapi tidak menghalang berlakunya aktiviti perlombongan dan penebangan hutan di sekitar tasik. Paradoks ini mengingatkan kita kepada kritikan Escobar (2011) tentang “pembangunan sebagai wacana,” di mana pembangunan lestari sering menjadi retorik yang menutupi realiti eksploitatif. Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa perbincangan tentang Tasik Chini masih terfragmentasi secara epistemologi, dengan sebahagian penyelidikan menumpukan kepada aspek ekologi dan pelancongan, manakala dimensi mitos serta simbolisme air jarang diberi perhatian kritikal. Artikel ini berusaha mengisi jurang tersebut dengan mengintegrasikan wacana akademik tentang naratif air, ekologi politik, warisan, dan *water humanities* bagi menafsir semula legenda Naga Tasik Chini. Dengan menempatkannya dalam konteks pascakolonial Malaysia, kajian ini menelusuri hubungan antara warisan, ekologi, dan marginalisasi komuniti tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja memperkayakan perbincangan tentang naratif budaya Melayu, tetapi juga memperluas horizon kajian Asia kontemporari dengan menjadikan air dan mitos sebagai medan kritik terhadap hegemoni pembangunan dan krisis ekologi semasa.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen secara sistematik untuk meneliti bagaimana legenda Naga Tasik Chini dibingkai, ditafsir, dan dikomodifikasikan dalam konteks Malaysia pascakolonial. Analisis dokumen dipilih kerana ia membolehkan penyelidik menelusuri lapisan makna dalam teks dan wacana rasmi yang membentuk persepsi terhadap air, warisan, dan komuniti peribumi. Pendekatan ini berasaskan prinsip Bowen (2009) dan Prior (2003) yang menegaskan bahawa dokumen bukan sekadar sumber maklumat tetapi juga artifak wacana yang mencerminkan struktur kuasa dan ideologi sosial. Analisis dijalankan ke atas dokumen yang diterbitkan antara tahun 2000 hingga 2025, sejajar dengan tempoh intensifikasi pembangunan Tasik Chini sebagai kawasan geopark dan biosfera UNESCO. Tempoh ini mencakupi fasa penting daripada pendaftaran Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera UNESCO pada tahun 2009, ancaman penyingkiran status tersebut antara 2021 hingga 2023, sehingga reaksi pascakolonial dalam wacana saintifik, media dan dasar awam.

Sumber kajian terdiri daripada laporan rasmi dan dasar kerajaan termasuk laporan Akademi Sains Malaysia (2023) dan dokumen UNESCO berkaitan Tasik Chini Biosphere Reserve, artikel akademik dan penerbitan saintifik. Sumber turut merangkumi laporan media arus perdana dan atas talian seperti Bernama, Malay Mail, Malaysiakini, dan South China Morning Post bagi menangkap perubahan naratif awam dan politik serta penyelidikan berdasarkan budaya seperti Malay Magic (Skeat, 2020) dan puisi *Landscape of*

Loss: Poems on Lake Chini (Zainal, 2021) yang mengekspresikan dimensi sakral dan simbolik air. Di samping itu, bahan promosi dan laporan eko-pelancongan seperti artikel oleh Bakar et al. (2017) dan Man et al. (2019) turut diteliti bagi memperlihatkan proses komodifikasi legenda naga dalam naratif pelancongan.

Dokumen dimasukkan ke dalam analisis jika memenuhi kriteria tertentu seperti mengandungi rujukan langsung kepada Tasik Chini, komuniti Jakun atau imej naga; membincangkan aspek ekologi, warisan, pelancongan atau dasar pembangunan; diterbitkan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dalam tempoh 2000 hingga 2025; dan dapat diakses secara sah melalui pangkalan data akademik, arkib digital, atau laman web rasmi. Dokumen yang bersifat umum tanpa kaitan langsung dengan Tasik Chini, atau yang hanya menumpukan aspek saintifik tanpa dimensi sosial-budaya, dikecualikan daripada analisis. Proses analisis melibatkan empat peringkat utama iaitu pengenalanpastian dan pengumpulan dokumen daripada pangkalan data seperti *Scopus*, *Web of Science* dan *Google Scholar*; penyaringan dan kodifikasi tematik berdasarkan kategori utama seperti mitos dan kosmologi air, pembangunan dan pelestarian, serta politik representasi; analisis wacana kritikal mengikut kerangka Escobar (2011) bagi meneliti bahasa, metafora dan naratif kuasa yang membentuk persepsi tentang air dan komuniti peribumi; serta triangulasi naratif dengan membandingkan wacana saintifik, media dan budaya bagi mengenal pasti titik persilangan antara retorik pembangunan, simbolisme naga dan politik ekologi pascakolonial. Melalui pendekatan ini, kajian berupaya menyingkap bagaimana air, mitos dan kuasa berinteraksi dalam wacana Tasik Chini bukan sekadar sebagai isu ekologi tetapi sebagai tapak perebutan makna antara sains, warisan dan spiritualiti tempatan. Walau bagaimanapun, pendekatan ini terhad kepada dokumen sekunder dan tidak merangkumi data lapangan seperti temu bual komuniti Jakun. Oleh itu, hasilnya harus dibaca sebagai analisis representasi dan bukan generalisasi empirik tentang pengalaman setempat.

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Naga sebagai Simbol Kosmologi: Air, Sakraliti dan Identiti Komuniti Jakun

Tasik Chini di Daerah Pekan, Pahang, sekitar 100 kilometer dari bandar Kuantan dan 60 kilometer dari Pekan, ialah tasik air tawar kedua terbesar di Malaysia selepas Tasik Bera. Kawasannya meliputi 202 hektar air dan dikelilingi oleh lebih 4,900 hektar hutan tropika, terletak pada koordinat 3°24'40"N–3°26'42"N dan 102°52'18"E–102°55'54"E. Sejak 7 Disember 1989, tasik ini telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan hidupan liar, dan pada Julai 2009 ia diiktiraf oleh UNESCO sebagai Rizab Biosfera di bawah program *Man and the Biosphere* (MAB), menjadikannya tapak pertama seumpamanya di Malaysia. Namun, pengiktirafan antarabangsa ini segera bercanggah dengan realiti ekologi tempatan, apabila laporan menunjukkan aktiviti perlombongan bijih besi, pembalakan, dan pembukaan tanah rancangan FELDA di sekitar tasik menjejaskan fungsi hidrologi dan kualiti air. Pada 2021, UNESCO menilai semula status ini kerana tekanan pembangunan yang berterusan, sebelum akhirnya Malaysia mengekalkan status tersebut pada Jun 2023 melalui komitmen kerajaan negeri Pahang untuk menutup lombong dan melaksanakan pemulihan ekologi (Habibat et al., 2020; Marimuthu & Zakariah, 2020).

Komuniti Orang Asli Jakun mendiami enam kampung di pesisir Tasik Chini, iaitu Kampung Gulum, Ulu Gulum, Tanjung Puput, Cendahan, Melai dan Ulu Melai, dengan anggaran sekitar 500 penduduk. Sebahagian besar masyarakat ini masih bergantung kepada perikanan air tawar, hasil hutan, dan penyertaan dalam aktiviti ekopelancongan komuniti (Habibah e tal., 2010; APNIC Foundation, 2023). Dalam kosmologi lisan mereka, Naga Seri Gulum dilihat bukan sekadar makhluk mitos, tetapi penjaga tasik yang menuntut keseimbangan alam dan moral manusia (Bakar et al, 2017). Naratif ini mencerminkan pandangan dunia masyarakat Jakun yang menganggap air sebagai entiti berjiwa, di mana pelanggaran terhadap pantang-larang seperti penebangan pokok besar, penangkapan ikan berlebihan atau pencemaran air ditafsir sebagai bentuk penderhakaan terhadap penjaga tasik. Pada masa yang sama, kajian etnografi menunjukkan bahawa wacana pembangunan moden sering meminggirkan suara komuniti Jakun dan menggantikan makna kosmologi mereka dengan tafsiran teknokratik dan pelancongan (Parker et al., 2019)

Dalam masa yang sama, ruang Tasik Chini itu sendiri dimaknai melalui penamaan 12 “laut” oleh komuniti setempat iaitu Laut Gulum, Pulau Balai, Cenahan, Tanjung Jerangkeng, Genting Teratai, Mempitih,

Kenawar, Serodong, Melai, Batu Busuk, Labuh, dan Jemberau. Penamaan ini ialah amalan kartografi kosmologi: setiap laut tidak hanya merujuk kepada lokasi geografi, tetapi juga berhubung dengan ingatan kolektif dan cerita lisan (Habibah et al., 2010). Sebagai contoh, Laut Gumum dikaitkan dengan pusat penempatan awal masyarakat Jakun, manakala Laut Jemberau sering dirujuk dalam kisah penampakan naga. Dalam kerangka *hydrosocial territories* (Boelens et al., 2016), tasik ini merupakan wilayah air yang bukan sahaja ditentukan oleh sempadan fizikal tetapi oleh jaringan sosial, spiritual, dan politik yang meletakkan naga sebagai penanda sakral.

Namun begitu, makna kosmologi Tasik Chini berhadapan dengan regim teknokratik yang menstrukturkan semula hubungan antara manusia dan air. Laporan saintifik menunjukkan bahawa sebuah empangan kecil (*barrage*) telah dibina di Sungai Chini pada pertengahan 1990-an bagi mengekalkan paras air tasik semasa musim kering dan menarik pelancong (Gasim et al., 2006). Namun, intervensi ini mengubah kitaran hidrologi semula jadi dan menjejaskan aliran masuk sungai-sungai utama, menyebabkan perubahan mendadak terhadap sistem ekologi tasik. Kajian kualiti air antara tahun 2004 hingga 2008 turut mendapati peningkatan kepekatan logam berat seperti plumbum (Pb), kuprum (Cu), dan kadmium (Cd) dalam air dan sedimen, berpunca daripada aktiviti perlombongan dan pembukaan tanah di lembangan sekitar tasik (Ebrahimpour & Mushrifah, 2008; Gasim et al., 2006). Laporan-laporan saintifik ini memperlihatkan bagaimana ruang yang dahulunya dimaknai secara kosmologikal kini direduksi kepada parameter teknikal seperti indeks, kepekatan dan bacaan makmal, meletakkan kuasa tafsiran terhadap tasik di tangan agensi teknokratik dan bukannya komuniti setempat.

Paradoks ini semakin jelas selepas banjir besar 2014–2015 yang merosakkan hampir keseluruhan rangkaian telemetri pemantauan air di Tasik Chini (Abdul Ghani et al., 2019). Peristiwa ini bukan sahaja krisis alam sekitar, tetapi juga simbol peralihan epistemik: masyarakat Jakun yang sebelum ini “membaca air” melalui kosmologi naga kini terpinggir, digantikan oleh bacaan sensor dan data. Seperti yang diujahkan oleh Spivak (1988) tentang *epistemic violence*, suara komuniti *subaltern* ini semakin lenyap dalam naratif rasmi. Naga masih ditampilkan dalam dokumentari kerajaan negeri dan risalah pelancongan, tetapi sebagai ikon eksotik untuk menarik pelancong, bukan sebagai kosmologi hidup yang menstrukturkan etika air (Bakar et al., 2017). Tambahan pula, biodiversiti Tasik Chini yang kaya turut menunjukkan pertembungan antara kosmologi dan teknokratik. Tasik ini terkenal dengan teratai (*Nelumbo nucifera*) yang mekar setiap musim, selain menjadi habitat bagi sekurang-kurangnya 21 spesies ikan, termasuk banyak spesis yang penting kepada komuniti Orang Asli Jakun sebagai sumber utama protein dan sebahagian daripada ekologi sakral naga (Hashim et al., 2014; Toriman et al., 2012). Namun, kajian kualiti air dan sedimen menunjukkan bahawa ikan-ikan ini semakin terjejas akibat kemerosotan kualiti air dan gangguan hidrologi (Arafat et al., 2016). Di sinilah kelihatan jurang antara air sebagai habitat hidup penuh makna kosmologi dengan air sebagai entiti saintifik yang ditentukan oleh indikator biologi.

Dalam kerangka *water humanities*, Tasik Chini memperlihatkan lapisan makna air yang berkonflik dan saling bertindih. Bagi komuniti Jakun, air ialah entiti sakral yang dimaterialkan melalui mitos naga sebagai penjaga keseimbangan alam dan moral manusia. Bagi negara, air menjadi simbol warisan kebangsaan serta sumber ekonomi melalui industri pelancongan dan naratif geopark. Bagi UNESCO, tasik ini merupakan rizab biosfera yang mesti memenuhi piawaian global pemuliharaan dan pembangunan lestari. Sementara itu, bagi saintis dan teknokrat, air dilihat sebagai objek pengukuran, rawatan, dan pemodelan. Pertembungan pelbagai tafsiran ini menjadikan Tasik Chini medan perebutan makna dan kuasa: siapa yang berhak menamai, mengukur, dan seterusnya menguasai sebuah tasik yang dianggap suci?. Dari perspektif kajian pascakolonial dan ekologi politik, mitos naga Tasik Chini seharusnya tidak dibaca sebagai sekadar lagenda, tetapi sebagai medan politik air yang memperlihatkan paradoks pascakolonial Malaysia. Secara jelasnya, Malaysia dilihat kerap mengangkat warisan budaya sebagai retorik global bagi menzahirkan imej lestari di mata dunia, namun pada masa yang sama gagal melindungi makna, ekologi, dan kelestarian air yang menjadi asas kosmologi komuniti asalnya.

2. Paradoks UNESCO: Antara Pengiktirafan Global dan Realiti Ekologi Tempatan

Pengiktirafan Tasik Chini sebagai Rizab Biosfera UNESCO pada tahun 2009 menandakan titik penting dalam sejarah warisan alam Malaysia. Ia merupakan tapak pertama di negara ini yang diiktiraf di bawah program MAB yang bertujuan mengharmonikan pembangunan manusia dengan kelestarian alam (UNESCO, n.d.). Namun, paradoks mula muncul sebaik sahaja pengiktirafan ini diberikan: imej global Tasik Chini sebagai model kelestarian bertentangan dengan realiti lapangan yang memperlihatkan gangguan ekologi akibat perlombongan, pembalakan, dan perubahan guna tanah (South China Morning Post, 2022; Akademi Sains Malaysia, 2023). Berdasarkan laporan saintifik terkini, status rizab Tasik Chini menunjukkan tahap kerentanan yang tinggi terhadap tekanan ekologi. Kajian hidrologi dan guna tanah mendapati bahawa perubahan guna tanah dan aktiviti pembangunan di kawasan tadahan tasik telah meningkatkan kadar hakisan dan pemendapan sedimen ke dalam sistem tasik (Gasim et al., 2006; Mir, 2015). Lebih signifikan, model iklim CMIP6 yang diaplikasikan dalam kajian Rendana et al. (2023) menganggarkan purata kadar erosi tanah di lembangan Tasik Chini sekitar 50.42 t/ha/tahun, dengan nilai tertinggi direkodkan di kawasan perlombongan terbuka berhampiran Sungai Jemberau. Dapatan ini menunjukkan bahawa perubahan guna tanah dan aktiviti manusia telah mempercepat degradasi fizikal lembangan tasik serta menjejaskan kestabilan ekosistemnya.



Gambar 1. Keadaan Tasik Chini pada masa kini
Sumber: South China Morning Post. (2022, August 1).

Ketegangan ini semakin terserlah pada 2021 apabila status rizab biosfera Tasik Chini kini sedang disemak semula oleh UNESCO berikutan laporan aktiviti perlombongan dan pembangunan tidak terkawal yang menjejaskan ekosistem tasik (Choong, 2021). Laporan ini juga menegaskan bahawa kerajaan negeri Pahang telah menghentikan kelulusan baru untuk perlombongan mineral dan pasir di kawasan tadahan tasik bagi mempertahankan pengiktirafan tersebut (Malaysian Now, 2022). Pada masa yang sama, komuniti Orang Asli Jakun di kawasan tebing tasik mengemukakan kebimbangan terhadap penurunan hasil ikan, sumber air bersih dan pelanggaran terhadap sistem pantang-larang tradisional, walaupun suara mereka kurang mendapat perhatian dalam wacana rasmi (Parker et al., 2019). Pada 15 Jun 2023, Bernama melaporkan bahawa UNESCO akhirnya mengekalkan status biosfera Tasik Chini setelah Malaysia mengemukakan pelan pemulihan termasuk penutupan lombong, pemulihan semula hutan sekitar, dan peningkatan pengawasan

(Bernama, 2023). Menteri Besar Pahang ketika itu, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menegaskan bahawa kerajaan negeri komited terhadap pemuliharaan Tasik Chini selepas mengekalkan status biosfera Tasik Chini (Malaysiakini, 2023). Namun, paradoks tetap wujud: pengiktirafan global dijadikan kejayaan diplomatik, sementara realiti lapangan menunjukkan komuniti Jakun terus berhadapan dengan air yang tidak lagi sesuai diminum tanpa rawatan, kawasan memancing yang semakin berkurangan, serta peningkatan banjir akibat intervensi hidrologi seperti pembinaan *barrage* di Sungai Chini (Gasim et al., 2006).

Dalam kerangka pascakolonial, paradoks UNESCO ini memperlihatkan bagaimana negara pascakolonial berusaha mengekalkan imej global sebagai pelindung warisan sambil mengekalkan struktur pembangunan eksploitatif. Seperti diujahkan oleh Chatterjee (2020), negara pascakolonial sering membina naratif kebangsaan melalui simbol warisan, tetapi pada masa yang sama meneruskan hegemoni kapitalisme dan birokrasi yang menekan komuniti *subaltern*. Tasik Chini, dalam hal ini, diposisikan sebagai aset negara yang “harus dipelihara” demi reputasi antarabangsa, tetapi pemeliharaan tersebut lebih berupa retorik global berbanding realiti praktikal. Lebih penting lagi, paradoks UNESCO mendedahkan ketegangan epistemik tentang makna “kelestarian.” Dalam wacana rasmi, kelestarian ditentukan oleh indikator saintifik dan laporan teknikal, manakala bagi masyarakat Jakun ia berakar pada keharmonian kosmologi naga sebagai penjaga tasik. Penghapusan epistemologi ini menunjukkan berlakunya epistemic violence (Spivak, 1988), seiring dengan kritikan Escobar (2011) terhadap pembangunan lestari yang meminggirkan pengetahuan tempatan serta peringatan Howitt & Suchet-Pearson (2006) bahawa konsep kelestarian yang homogen menafikan pluraliti makna ekologi. Dari perspektif *water humanities*, paradoks ini memperlihatkan bagaimana air menjadi “ruang konflik makna” (Krause & Strang, 2016). UNESCO melihat Tasik Chini sebagai model saintifik pembangunan lestari; kerajaan negeri melihatnya sebagai aset ekonomi dan pelancongan; komuniti Jakun melihatnya sebagai entiti sakral yang dijaga naga. Pertembungan ini menunjukkan bahawa air tidak pernah neutral, ia adalah medium kuasa yang diperebutkan oleh pelbagai aktor. Dengan kata lain, Tasik Chini ialah ruang di mana warisan air, kosmologi sakral, dan retorik global bertembung secara tragis. Paradoks ini menuntut kita melihat bahawa pengiktirafan UNESCO bukan sekadar pencapaian diplomatik, tetapi juga tapak kritik terhadap kegagalan negara pascakolonial untuk benar-benar mendamaikan manusia dengan air dan alam.

3. Air sebagai Medan Politik Pascakolonial: Sintesis Ekologi, Warisan dan Kuasa

Dalam konteks Malaysia pascakolonial, air bukan sekadar elemen semula jadi tetapi suatu ruang kuasa yang membentuk dan dibentuk oleh hubungan sosial, simbolik, dan ideologi (Abdullah, 2025). Tasik Chini sering dipromosikan sebagai “tasik legenda” yang memperlihatkan paradoks yang tajam antara spiritualiti pribumi dan logik pembangunan moden. Di satu sisi, masyarakat Jakun menafsirkan air sebagai zat bernyawa yang mengekalkan keseimbangan dunia melalui Naga Seri Gulum, entiti penjaga yang menyatukan manusia, alam, dan roh (Zainal, 2021). Namun di sisi lain, negara dan agensi global menstrukturkan air dalam kerangka saintifik: diukur, dipantau, dan dimasukkan ke dalam bahasa indeks, piawaian, dan piawaian pasaran (Toriman et al., 2021). Di sinilah air menjadi medan politik pascakolonial, bukan kerana sifat fizikalnya, tetapi kerana ia menjadi wadah perebutan makna antara pelbagai rejim pengetahuan.

Dalam kosmologi Jakun, air adalah lambang hubungan moral dan ekologi. Ia tidak dapat dimiliki kerana ia sendiri adalah bentuk kehidupan yang menghidupkan. Tetapi apabila tasik itu dikolonialkan oleh struktur pentadbiran moden, makna tersebut digantikan dengan kategori hukum, data hidrologi, dan naratif pelancongan (Habibah et al, 2010; Bakar et al., 2017). Sebagaimana ditegaskan oleh Spivak (2023), proses ini merupakan bentuk *epistemic violence* yang memperlihatkan penghapusan sistem pengetahuan tempatan melalui paksaan representasi. Negara pascakolonial seperti Malaysia, dalam usahanya menampilkan imej kelestarian, telah meminjam bahasa saintifik kolonial untuk menjustifikasi kawalan terhadap alam, sambil meminggirkan kepercayaan komuniti yang telah berakar selama berabad-abad (Doolittle, 2004). Bagi masyarakat Jakun, kehilangan kuasa mentafsir makna air bererti kehilangan sebahagian identiti kosmologi mereka sendiri. Kerangka pascakolonial menawarkan lensa untuk membaca transformasi ini sebagai kelanjutan hegemoni kolonial dalam wacana alam sekitar. Chatterjee (2020) berhujah bahawa negara pascakolonial sering mengisi kekosongan penjajahan dengan simbol nasional baharu tanpa merombak struktur

kuasa yang diwarisi. Dalam kes Tasik Chini, naga Seri Gumum diangkat sebagai ikon pelancongan dan lambang warisan kebangsaan, tetapi tafsiran spiritual dan moral masyarakat Jakun diketepikan (Zainal, 2021). Simbolisme ini menampakkan bagaimana pascakolonialisme di Malaysia bukan sahaja meneruskan bentuk kuasa kolonial melalui dasar tanah dan pembangunan, tetapi juga memaparkannya melalui mitos yang dinasionalisasi (Doolittle, 2004). Air dan naga, dua unsur teras dalam kosmologi tempatan, diserap ke dalam naratif negara yang menegaskan “keharmonian budaya” sambil menyembunyikan asimetri kuasa antara komuniti asal dan birokrasi persekutuan.



Gambar 2. Tasik Chini dipercayai sebagai tempat bersemayamnya Naga Seri Gumum.
Sumber: South China Morning Post. (2022, August 1).

Melalui perspektif ekologi politik, air menjadi sumber yang terikat dengan struktur ekonomi dan pengurusan kuasa. Robbins (2019) menegaskan bahawa ekologi tidak pernah neutral: ia sentiasa dihasilkan melalui keputusan politik, peruntukan ekonomi, dan ideologi pembangunan. Dalam konteks Tasik Chini, pelbagai pihak yang berkepentingan seperti kerajaan negeri, syarikat perlombongan, agensi pelancongan, dan komuniti Jakun dilihat beroperasi dalam satu jaringan konflik kepentingan yang menegaskan sifat politik air. Bagi negara, air ialah aset pembangunan dan simbol legitimasi antarabangsa; bagi komuniti tempatan, ia ialah asas spiritual dan sumber rezeki; bagi UNESCO, ia ialah objek konservasi saintifik; manakala bagi kapital, ia ialah ruang ekonomi yang boleh dieksploitasi. Pertembungan ini memperlihatkan bahawa air tidak lagi sekadar mengalir secara hidrologi, tetapi mengalir melalui saluran kuasa dan wacana (Toriman et al., 2012; Bakar et al., 2017; Malaysiakini, 2023; Abdullah, 2025). Tasik Chini juga memperlihatkan bagaimana konsep “warisan” menjadi instrumen depolitisasi. Dalam banyak naratif rasmi, pelancongan lestari dan warisan budaya dikemukakan sebagai wacana tanpa konflik. Namun apabila naga yang merupakan simbol spiritual dijadikan ikon geopark dan motif promosi, ia mengalami transformasi ideologis: dari entiti penjaga kepada jenama komoditi (Bakar et al., 2017).. Proses ini mengulangi apa yang disebut oleh Shepherd (2002) sebagai *heritage filtering* yang merupakan sebagai penapisan makna untuk disesuaikan dengan pasaran global. Masyarakat Jakun diserap sebagai “penjaga tradisi,” tetapi hanya pada tahap performatif, sementara suara mereka tentang hak air, tanah, dan pantang-larang ekologi kekal di luar kerangka pentadbiran. Warisan air, dalam erti kata ini, bukan sekadar kehilangan makna spiritual, tetapi juga kehilangan dimensi politiknya.

Pendekatan *water humanities* memperdalam analisis ini dengan menolak dikotomi antara alam dan budaya. Linton (2010) menjelaskan bahawa air membentuk hubungan sosial, ekonomi, dan simbolik. Ia tidak hanya mengalir di sungai, tetapi juga melalui jaringan kuasa. Dalam hal Tasik Chini, air menjadi benang yang menghubungkan ritual Jakun, dasar kerajaan, dan kehadiran institusi antarabangsa. Setiap lapisan menulis semula makna air: sebagai habitat ekologi, ia dinilai melalui indeks; sebagai warisan budaya, ia dijenamakan; sebagai entiti spiritual, ia disingkirkan ke pinggir kepercayaan. Strang (2014) (2020) pula menyebut air sebagai *landscapes of meaning* yang sentiasa terbuka untuk tafsiran. Konflik makna antara air saintifik dan air sakral menjadikan Tasik Chini bukan sekadar tapak pemuliharaan, tetapi ruang epistemologi di mana dua sistem pengetahuan seperti teknokratik dan kosmologi dilihat saling bertembung. Paradoks air di Tasik Chini menyingkap krisis epistemik pascakolonial: siapa yang berhak menentukan pengetahuan tentang alam? Negara moden bergantung kepada laporan saintifik dan bahasa teknikal, sementara komuniti tempatan berpegang kepada etika pantang-larang. Apabila suara komuniti disingkirkan daripada wacana rasmi, terjadilah apa yang disebut Spivak (2023) sebagai penghapusan *subaltern* dalam wacana pembangunan. Ketidakeimbangan ini menunjukkan bahawa pengetahuan tempatan bukan hanya kurang diiktiraf, tetapi secara aktif digantikan oleh bahasa teknokratik yang mengawal cara dunia difahami. Dengan itu, air menjadi bukan sahaja sumber, tetapi bahasa kuasa, alat untuk menstrukturkan legitimasi negara pascakolonial di mata dunia.

Dari perspektif sosiopolitik, air di Tasik Chini juga memperlihatkan bagaimana ruang ekologi dijadikan medium untuk membina *citizenship ecology* iaitu bentuk kewarganegaraan yang dinilai melalui kepatuhan terhadap wacana pembangunan (Dobson, 2003). Seperti yang diujahkan oleh Howitt & Suchet-Pearson (2006), konsep kelestarian moden beroperasi atas satu ontologi tunggal yang menolak pluraliti makna. Dalam wacana kelestarian rasmi, komuniti tempatan hanya diiktiraf selagi mereka mematuhi piawaian saintifik dan ekonomi; apabila mereka menentang, mereka dianggap menghalang kemajuan. Tasik Chini dengan demikian menjadi *laboratorium* sosial bagi memahami bagaimana kelestarian digunakan sebagai retorik untuk mengawal makna dan memadamkan perbezaan epistemologi. Sintesis antara ekologi politik, pascakolonialisme, dan *water humanities* mendedahkan bahawa air di Tasik Chini berfungsi sebagai tapak produksi makna yang kompleks. Ekologi politik menelusuri bagaimana kuasa membentuk hubungan manusia-alam; teori pascakolonial mengungkap bagaimana warisan dan identiti dijadikan alat legitimasi; sementara *water humanities* menekankan nilai moral dan simbolik air dalam pembentukan komuniti. Ketiga-tiga pendekatan ini menunjukkan bahawa tasik bukan hanya entiti geofizikal, tetapi juga medan tafsiran di mana identiti, spiritualiti, dan ideologi negara dinegosiasikan. Ironinya, semakin negara berusaha menunjukkan komitmen terhadap kelestarian, semakin terdedah kontradiksi di antara wacana global dan realiti tempatan. Dalam pengertian ini, air Tasik Chini ialah cermin bagi politik pascakolonial Malaysia, jernih di permukaan, tetapi keruh di dasarnya oleh pertarungan makna antara kuasa, warisan, dan kepercayaan.

Kesimpulan

Analisis terhadap lagenda naga di Tasik Chini memperlihatkan bahawa air bukan sekadar medium fizikal, tetapi medan wacana yang mempertautkan sejarah, mitos, dan politik kontemporari. Melalui tafsiran air di Tasik Chini menyingkap lapisan makna yang bertindih antara ekologi, sakraliti, dan identiti tempatan. Mitos naga tidak boleh dilihat sebagai mitologi semata-mata, sebaliknya ia menjadi sebahagian daripada cara komuniti membentuk hubungan dengan tasik, serta mempertautkan kepercayaan spiritual dengan realiti ekosistem yang semakin terancam akibat perlombongan bijih dan pembangunan pesat. Lagenda naga telah diinstitusikan semula dalam naratif pelancongan, geopark, dan naratif negara. Penggambaran naga dalam festival, mural, dan wacana rasmi kerajaan negeri memperlihatkan bagaimana kuasa politik mengartikulasikan warisan untuk kepentingan ekonomi dan legitimasi. Namun, dalam arus representasi tersebut, makna asal yang lebih organik dalam kosmologi masyarakat Orang Asli sering digugat, malah kadangkala dipinggirkan. Penguasaan terhadap naratif naga ini menimbulkan pertanyaan kritikal tentang siapakah yang berhak menafsirkan warisan, dan sejauh mana suara komuniti tempatan diberi ruang dalam mendefinisikan makna air dan tasik dalam kehidupan mereka.

Akhir sekali, dapat dilihat bagaimana lagenda naga Tasik Chini berfungsi dalam ruang antara dominasi dan resistensi. Negara menggunakannya sebagai aset geopark UNESCO bagi menonjolkan imej kelestarian global, namun pada masa yang sama, komuniti Orang Asli Jakun menjadikan mitos naga sebagai wacana resistensi terhadap eksploitasi ekologi dan marginalisasi sosial. Konflik antara pembangunan, pemuliharaan, dan kepercayaan ini memperlihatkan bagaimana simbol air dan naga menjadi medan perebutan makna antara pelbagai aktor, termasuk kerajaan negeri, pelabur, aktivis alam sekitar, dan komuniti tempatan. Kesimpulannya, lagenda naga Tasik Chini bukanlah naratif pasif yang sekadar diwarisi dari zaman lampau. Ia adalah wacana hidup yang terus dirunding, digugat, dan dimaknai semula dalam konteks kontemporari Malaysia. Artikel ini menegaskan bahawa analisis kritikal terhadap mitos air seperti naga Tasik Chini perlu menembusi batas mitologi deskriptif, dan sebaliknya dibaca melalui interaksi kompleks antara ekologi, budaya, dan kuasa politik. Hanya dengan itu, kita dapat memahami bukan sahaja bagaimana air membentuk kosmologi dan warisan, tetapi juga bagaimana ia menjadi teras dalam pergelutan identiti, kuasa, dan masa depan kelestarian di Malaysia.

Rujukan

- Abas, A., Islam, M. S., & Chek, T. C. (2008). Water quality of several feeder rivers between two seasons in Tasik Chini, Pahang. *Sains Malaysiana*, 37(4), 313-321.
- Abdullah, M. F. (2025). The Forgotten Waters: A Critique of Malaysian Historiography. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 9(1), 111-128.
- Abdul Ghani, A. T., Zakaria, M. S. & Ramli, M. S. (2019). Rebuilding Lake Chini Telemetry System for Water Quality Monitoring. *Sci.Int.(Lahore)*, 31(6), 843-845.
- Akademi Sains Malaysia. (2023, July 6). *Sustainability assessment of the Tasik Chini Basin (TCB) and Tasik Chini Biosphere Reserve (TCBR)*. from <https://www.akademisains.gov.my/ar22/sustainability-assessment-of-the-tasik-chini-basin-tcb-and-tasik-chini-biosphere-reserve-tcbr/>
- Amran, I. R., & Jamin, R. M. (2021). Kajian Pencemaran Air Terhadap Komuniti Orang Asli di Tasik Chini, Pahang. *Universiti Malaysia Terengganu Journal of Undergraduate Research*, 3(2), 119-128. <https://doi.org/10.46754/umtjur.v3i2.211>
- Andaya, B. W. (2016). Rivers, oceans, and spirits: Water cosmologies, gender, and religious change in Southeast Asia. *TRaNS: Trans-Regional and-National Studies of Southeast Asia*, 4(2), 239-263. <https://doi.org/10.1017/trn.2016.2>
- Andaya, L. Y. (2018). Water in the Study of Southeast Asia. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 25(1), 21-38. <https://doi.org/10.21315/kajh2018.25.s1.2>
- APNIC Foundation. (2023). *Hybrid LoRa Network for Underserved Community Internet (LUCI) Technical Report*. APNIC.
- Arafat, M. Y., Sujaul, I. M., Wahid, Z. A., & Ali, M. I. (2016). Status of Contamination and Distribution of Effluents in Tasik Chini, Pahang, Malaysia. *International Journal of Ecology and Environmental Sciences*, 42(3), 201-208.
- Bakar, R. A., Ahmad, H., Jusoh, H., Idris, M., & Razali, M. K. (2017). Mitos Dan Lagenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1), 1-25.
- Bernama. (2023, June 15). *Tasik Chini retains status as UNESCO biosphere reserve*. Retrieved from <https://www.bernama.com/en/news.php?id=219819>
- Boelens, R., Hoogesteger, J., Swyngedouw, E., Vos, J., & Wester, P. (2016). Hydrosocial territories: a political ecology perspective. *Water international*, 41(1), 1-14.
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Chang, Y. L. (2024). Naga Imagery and The Impact of the Internet on Naga Worship in Thailand. *International Journal of Asia-Pacific Studies*, 20(1), 23-52.
- Chatterjee, P. (2020). *The nation and its fragments: Colonial and postcolonial histories*. Princeton University Press,

- Choong, J. (2021, July 3). *Report: Tasik Chini UNESCO status under review, faces risk of delisting amid pollution*. *Malay Mail*. Retrieved from <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/07/03/report-tasik-chini-unesco-status-under-review-faces-risk-of-delisting-amid/1986826>
- Dobson, A. (2003). *Citizenship and the Environment*. Oup Oxford.
- Doolittle, A. A. (2004). Powerful persuasions: The language of property and politics in Sabah, Malaysia (North Borneo), 1881–1996. *Modern Asian Studies*, 38(4), 821-850.
- Ebrahimpour, M., & Mushrifah, I. (2008). Heavy metal concentrations in water and sediments in Tasik Chini, a freshwater lake, Malaysia. *Environmental monitoring and assessment*, 141(1), 297-307.
- Escobar, A. (2011). *Encountering development: The making and unmaking of the Third World*. Princeton University Press.
- Ferwerda, S. (2024). Blue Humanities and the color of colonialism. *Environmental Humanities*, 16(1), 1-18. <https://doi.org/10.1215/22011919-10943081>
- Habibah, A., Hamzah, J., & Mushrifah, I. (2010). Sustainable livelihood of the community in Tasik Chini biosphere reserve: The local practices. *Journal of Sustainable Development*, 3(3), 184-196.
- Hashim, M. H., Idris, M., Ismail, A. Aiman, S. (2014). Fish Community in the Lake of Tasik Chini Biosphere Reserve, Pekan, Pahang. Proceedings of the 13 th Symposium of the Malaysian Society of Applied Biology, 2014 Cherating, Pahang, Malaysia, 8-10 June 2014.
- Howitt, R., & Suchet-Pearson, S. (2006). Rethinking the building blocks: ontological pluralism and the idea of 'management'. *Geografiska Annaler: Series B, Human Geography*, 88(3), 323-335. <https://doi.org/10.1111/j.1468-0459.2006.00225.x>
- Ishwaran, N., Persic, A., & Tri, N. H. (2008). Concept and practice: the case of UNESCO biosphere reserves. *International Journal of Environment and Sustainable Development*, 7(2), 118-131. <https://doi.org/10.1504/IJESD.2008.018358>
- Gasim, M. B., Toriman, M. E., Rahim, S. A., Islam, M. S., Tan, C. C., & Juahir, H. (2006). Hydrology and water quality and land-use assessment of Tasik Chini's feeder rivers, Pahang Malaysia. *Geografia*, 3(3), 1-16.
- Gomes, A. G. (2004). *Looking for money: Capitalism and modernity in an Orang Asli village*. Center for Orang Asli Concerns: Trans Pacific Press.
- Krause, F., & Strang, V. (2016). Thinking relationships through water. *Society & Natural Resources*, 29(6), 633-638. <https://doi.org/10.1080/08941920.2016.1151714>
- Linton, J. (2010). *What is water?: The history of a modern abstraction*. UBC press.
- Malaysian Now. (2022, August 3). *Activities that could affect Tasik Chini, Pahang, including new approvals for sand and mineral mining have been stopped, says Takiyuddin*. Retrieved from <https://www.malaysianow.com/news/2022/08/03/activities-that-could-affect-tasik-chini-have-been-stopped-says-takiyuddin>
- Man, Z., Ne, Y. E., & Melai, A. K. (2019). Penyertaan orang Asli dalam aktiviti eko-pelancongan di Tasik Chini, Pahang, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 50-63.
- Marimuthu, S. B., & Zakariah, A. A. (2020). The sufficiency of Malaysia's environmental laws for the protection of the Tasik Chini UNESCO biosphere reserve. *Austl. J. Asian L.*, 21, 25.
- Mathur, C., & Mulwafu, W. (2018). Colonialism and its legacies, as reflected in water, incorporating a view from Malawi. *Wiley Interdisciplinary Reviews: Water*, 5(4), e1287. <https://doi.org/10.1002/wat2.1287>
- Malaysiakini. (2023, June 15). *Pahang committed to maintaining Tasik Chini biosphere reserve status*. Retrieved from <https://www.malaysiakini.com/news/668783>
- Mir, S. I., Sahid, I., Gasim, M. B., Abd Rahim, S., & Toriman, M. E. (2015). Prediction of soil and nutrient losses from the lake Chini watershed, Pahang, Malaysia. *Journal of Physical Science*, 26(1), 53.
- Mohamad, S., & Toriman, M. E. (2006). Implikasi struktur kunci air ke atas aktiviti pelancongan dan penduduk di sekitar Sungai Chini dan Tasik Chini, Pahang. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 1(1), 1-13.

- Nain, A. S. M., & Yusoff, R. (2003). *Konsep, teori, dimensi dan isu pembangunan*. Penerbit UTM.
- Nicholas, C. (2000). The Orang Asli and the contest for resources: Indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia. *IWGIA document*.
- Omar, M., Man, Z., & Yussof, I. (2011). Strategi tradisional komuniti Jakun Tasik Chini, Pahang mengurus sumber semulajadi secara lestari. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 6(2), 239-254.
- Parker, J., Crabtree, S. A., Crabtree, M. A., & Crabtree, I. A. (2019). 'Behaving like a Jakun!' A case study of conflict, 'othering' and indigenous knowledge in the Orang Asli of Tasik Chini. *Journal of Sociology and Development*, 3(1), 23-45.
- Popartan, L. A., & Ungureanu, C. (2022). The political ecology of water memory: Contending narratives of past hydraulic infrastructures in Barcelona (2015–2021). *Political Geography*, 96, 102596. <https://doi.org/10.1016/j.polgeo.2022.102596>
- Prior, L. (2003). *Using Documents in Social Research*. SAGE Publications.
- Rendana, M., Idris, W. M. R., Rahim, S. A., Rahman, Z. A., & Lihan, T. (2023). Predicting soil erosion potential under CMIP6 climate change scenarios in the Chini Lake Basin, Malaysia. *Geoscience Letters*, 10(1), 1.
- Robbins, P. (2019). *Political ecology: A critical introduction*. John Wiley & Sons.
- Salazar, N. B. (2012). Community-based cultural tourism: Issues, threats and opportunities. *Journal of Sustainable Tourism*, 20(1), 9-22. <https://doi.org/10.1080/09669582.2011.596279>
- Shepherd, R. (2002). Commodification, culture and tourism. *Tourist studies*, 2(2), 183-201. <https://doi.org/10.1177/146879702761936653>
- Skeat, W. W. (2020). *Malay magic*. BoD—Books on Demand.
- South China Morning Post. (2022, August 1). *Malaysia's Tasik Chini risks being stripped of its UNESCO status*. Retrieved October 27, 2025, from <https://www.scmp.com/week-asia/health-environment/article/3187051/malaysias-tasik-chini-risks-being-stripped-its-unesco>
- Spivak, G. C. (2023). Can the subaltern speak? In P. H. Cain & M. Harrison (Eds.), *Imperialism* (pp. 171–219). Routledge.
- Strang, V. (2014). Fluid consistencies. Material relationality in human engagements with water. *Archaeological Dialogues*, 21(2), 133-150. <https://doi.org/10.1017/S1380203814000130>
- Strang, V. (2020). *The meaning of water*. Routledge.
- Toriman, M. E., Jamil, N. R. B., Idris, M., Mastura, S. S., Ahmad, H., Er, A. C., ... & Elfithri, R. (2012). Identification and mapping of lotus (*Nelumbo nucifera*) distribution in a shallow lake using satellite imagery and geographical information system (GIS). *Journal of Engineering and Applied Sciences*, 7(4), 300-305
- United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). (n.d.). *Tasik Chini Biosphere Reserve, Malaysia. Man and the Biosphere Programme*. Retrieved October 27, 2025, from <https://www.unesco.org/en/mab/tasik-chini>
- Yusuf, R. A., Fadzillah, F. I. M., Mohamad, J. B., & Razali, J. R. (2022). Pahang State Folklore Based On The Legend Of Chini Lake Dragon. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 7(1), 22-25.
- Zainal, Z. I. (2021). Landscape of Loss: Poems on Lake Chini. *Journal of Southeast Asian Ecocriticism*, 1(1), 42-59.